



Received: 2025-01-01

Accepted: 2025-06-28

Published: 2025-06-30

Original Article

Identifikasi Kajian-Kajian Berkaitan Intervensi Preventif Bagi Pedofilia Berdasarkan *Systematic Literature Review*

(Identification of Studies Related to the Preventive Intervention of Pedophile Based on Systematic Literature Review)

Khadher Ahmad^{a*}, Mohd Syukri Zainal Abidin^b, Mustaffa Abdullah^a, Siti Rosmani Md Zin@Zakaria^c, Mohd Farhan Md Ariffin^d, Ahmad Zakwan Mohd Fadzil^a

^a Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

^b Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

^c Pusat Pengajian Sains Pergigian, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan, Malaysia.

^d Pusat Kajian Quran dan Sunnah, fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Kajang, Selangor.

* Corresponding author, email; khadher82@um.edu.my

ABSTRACT

The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, Fifth Edition (DSM-V), classifies paedophilia as a mental disorder. Despite this, numerous cases are reported daily, with many others going unreported due to the stigma and taboo surrounding the issue. This paper aims to identify patterns in previous research on paedophilia by utilizing the Systematic Literature Review (SLR) method. This approach involves systematically framing, identifying, evaluating, and analyzing prior studies on preventive interventions for paedophilia through a structured process. The findings highlight several key issues for discussion, including legal frameworks, internet usage, types of paedophilic offenders, and the distribution of child pornography. Contributing factors to paedophilia are identified as psychological, social, educational, socioeconomic, and cultural influences. The results also emphasize existing efforts in preventive interventions, such as legal enforcement, educational programs, and the integration of Islamic cognitive and psychospiritual values. This study underscores that paedophilia presents a significant and urgent threat that requires focused attention. While various studies have explored its contributing factors and preventive measures, there remains a critical need for comprehensive interventions that actively engage both guardians and children. Therefore, the development of a holistic model centred on prevention and child protection is crucial. Such a model would not only address this crime effectively but also contribute to achieving the Sustainable Development Goals (SDGs), particularly in promoting a healthy and harmonious environment at the national level.

Keywords: Intervention, Preventive, Podophile, Mental, Systematic Literature Review

Pendahuluan

Pedofilia merupakan salah satu daripada pecahan parafilia atau juga disebut fetisyisme.¹ Perlakuan parafilia adalah keinginan seks yang songsang yang melibatkan perasaan atau rangsangan seksual yang melampau kepada sesuatu objek, aktiviti atau situasi. Objek, aktiviti dan situasi yang termasuk dalam rangsangan ini sebenarnya bukanlah yang sepatutnya dirasakan oleh orang yang normal kepadanya. Antara objek tersebut adalah pakaian seperti coli, kasut, seluar dalam dan anak-anak kecil dan antara aktiviti adalah tarian, lakonan fantasi atau aksi-aksi ganas. Selain pedofilia, tujuh lagi parafilia yang disenaraikan dalam DSM V² iaitu eksibisionisme, voyeurisme, sadisme seksual, manokisme seksual, frottrurisme, fetisyisme dan transvesik.³ Penyakit yang bukan lahir bukan secara semulajadi ini akan lebih parah sekiranya mereka menimbulkan bahaya, kesusahan atau kemerosotan fungsi kehidupan diri atau orang lain.

Pedofilia merupakan gangguan mental yang melibatkan kanak-kanak.⁴ Gangguan tersebut melibatkan keinginan seksual kepada kanak-kanak yang boleh terjadi sama ada

¹ Nasir N. H. (2021) Fetisyisme, Portal KKM, dipetik pada 17 Januari 2024, <http://www.myhealth.gov.my/fetisyisme/#:~:text=Ini%20adalah%20salah%20satu%20perlakuan,sesuatu%20benda%20objek%20atau%20aktiviti>.

² DSM atau Diagnostic and Statistical Manual of Mental Health adalah standard pengklasifikasian dari penyakit mental yang digariskan oleh American Psychiatric Association (APA). APA bertindak sebagai badan professional kesihatan mental yang digunapakai oleh pakar-pakar dalam perubatan dan professional. Buku manual tersebut sudah di cetak dan di semak sehingga kepada edisi kelima (V). Lihat American Psychiatric Association, [psychiatry.org. DSM History](https://www.psychiatry.org/psychiatrists/practice/dsm/about-dsm/history-of-the-dsm). Dicapai pada 20 Januari 2024, <https://www.psychiatry.org/psychiatrists/practice/dsm/about-dsm/history-of-the-dsm>.

³ Exhibitionisme adalah keterangsangan dan kepuasan seksual dengan mendedahkan kemaluan kepada individu asing. Penyakit aneh ini akan membuat pesakit berasa puas walaupun tanpa ada sentuhan. Kemudian voyeurism iaitu rangsangan seksual dengan melihat individu lain. Mereka biasanya akan menginip sama ada individu yang sedang berbuka baju, atau sedang melakukan hubungan intim. Seterusnya sadisme seksual. Penyakit ini menggunakan kekerasan sebagai suatu kepuasan. Mereka melakukan perbuatan sadis seperti mengikat, merantai dan memukul. Pesakit seperti melepaskan marah mereka pada pasangan seperti tidak berperasaan dan mempunyai empati yang rendah. Lebih ekstrem, sebahagian perilaku ini boleh berakhir dengan kesan bahaya sehingga menyebabkan kematian kepada orang lain. Berbeza dengan itu manokisme seksual pula terangsang dengan merasai sakit pada diri sendiri. Mereka mahu disakiti, diseksa atau dipermalukan tanpa empati. Seterusnya, frottrurisme adalah keinginan seks yang mendorong untuk menyentuh alat kelaminnya dengan orang lain tanpa perseujuan. Tanpa ada sentuhan langsung atau tanpa sedar, pelaku menikmati secara sensual sentuhan tersebut. Seterusnya adalah transvesik. Gangguan seksual ini melibatkan keinginan seseorang dengan mengenakan pakai berlawanan atau cross-dressing dengan jantina lain. Lebih ekstrem, satu lagi pecahan dari parafilia adalah fetisyisme. Perilaku ini melibatkan keinginan seks dengan objek yang tidak bernyawa atau pada bahagian non genital. Tanpa perlu kepada sentuhan, pesakit berfantasi dengan objek dengan hanya melihat kepada pakaian, aksesori atau anggota badan seseorang. Lihat Soraya H., Effendy E., Amin M. M., *Fetishistic Disorder and Kleptomania, Open Access Maced J Med Sci*. 2021 Jun 25; 9(T3):209-211.

⁴ Secara bahasanya, kanak-kanak disebut sebagai al-Shobi (shobiyy) atau al-Shighar (shighar). Ibnu Manzur menyebutkan bahawa al-Shighar bererti sesuatu yang berlawanan dengan yang besar. Dalam istilah syarak pula, fuqaha memecahkan al-Shobi kepada dua bahagian berdasarkan tanggungjawab iaitu al-Shobi Mumaiyyiz dan al-Shobi Ghair al-Mumaiyyiz. Al-Shobi Ghair al-Mumaiyyiz adalah kanak-kanak yang tidak mampu membezakan antara perkara yang baik dan buruk kepada dirinya sendiri. Peringkat ini adalah kanak-kanak yang berumur kurang daripada tujuh tahun. Adapun yang kedua, al-Shobi al-Mumaiyyiz adalah kanak-kanak yang memahami tujuan sesuatu perkataan, memahami serta mengetahui perkara-perkara yang dapat memberi manfaat (baik) atau memudaratkan (buruk) kepada dirinya sendiri. Seterusnya, ijmak bersetuju meletakkan bahawa bagi kaedah untuk mentapkan akil baligh adalah dengan keluarnya air mani

menyimpan gambar, perlakuan seks atau penderaan seksual. Secara normal, kanak-kanak sepatutnya difikirkan untuk mereka tentang masa depan tetapi sebaliknya dijadikan objek pemuas keinginan nafsu songsang. Mereka juga masih belum membesar dan membangun bahkan memerlukan perlindungan lebih daripada orang dewasa.⁵ Mereka merupakan modal insan penting kepada negara yang perlu dibangunkan kepada tahap yang optimum dengan persekitaran yang kondusif dan selamat. Oleh sebab itu, mereka wajib dilindungi daripada sebarang penderaan, keganasan, eksploitasi mahupun pengabaian. Seluruh lapisan masyarakat perlu mengambil inisiatif ini.

Dari aspek perundangan, jelas diperuntukkan secara khusus hak kanak-kanak berhubung dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan. Undang-undang Malaysia telah memberi peruntukan khas bagi menyatakan hak khusus bagi kanak-kanak dalam negara di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Tanpa mengira perbezaan ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal usul atau sekalipun terdapat kekurangan fizikal, mental dan emosi, status kanak-kanak tersebut mesti menjadi tunjang atas kasih sayang, kedamaian, keadilan dan keperikemanusiaan yang menjadi amalan masyarakat Malaysia.⁶ Daripada Akta Kanak-Kanak 2001 dan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), tergubal satu dasar yang disebut Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara yang bermatlamatkan untuk memberi perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi kepada kanak-kanak. Keterlibatan semua pihak ditekankan untuk menjayakan dasar ini yang berobjektifkan untuk :

1. Meningkatkan kesedaran dan komitmen pelbagai pihak terhadap usaha melindungi kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama.
2. Mewujudkan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak.
3. Menggalakkan organisasi yang berhubung secara langsung dan tidak langsung dengan kanak-kanak mewujudkan dasar perlindungan kanak-kanak organisasi masing-masing.
4. Melindungi setiap kanak-kanak daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi.
5. Menetapkan hanya individu yang bersesuaian sahaja boleh berurusan secara langsung dengan kanak-kanak.

bagi lelaki dan datangnya haid bagi perempuan ataupun terdapat perubahan fizikal seperti tumbuhnya bulu ari-ari, bulu ketiak serta berubahnya suara berdasarkan pendapat Maliki dan al-Syafie. Sekiranya langsung tidak ada tanda-tanda fizikal ini, umur seseorang boleh dianggap sebagai tahap capai akil baligh. Imam Syafie dan Hanafi menetapkan umur lima belas (15) tahun bagi seseorang yang tidak ada tanda-tanda perubahan fizikal. Imam Hanafi pula berpendapat bahawa sekiranya tidak ada tanda-tanda fizikal, seseorang yang berusia dua puluh (20) tahun (lelaki) atau tujuh belas (17) tahun (perempuan) dikira telah akil baligh. Adapun menurut Imam Malik, ditetapkan umur lapan belas (18) tahun sebagai sempurnanya akal. Selari dengan itu, takrifan perundangan mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Kanak-Kanak 2001 dan Seksyen 88(4) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Akta 303). Lihat Abdul Karim bin Mohammad Ali Al Namlah, *Jami' Lilmasail Usul Fiqh Wa Tadbiquha Ala Mazahib al-Rajih* (Riyadh: Maktabah Al-Rashd, 2000). 53. Lihat juga 'Arabi Mohammad Idrisi. *Ahkam Syahadah al-Sighaar Fi al-Fiqh al-Islami Wa Qanun al-Wadie* (Riyadh: Jamiah Naaif al-Arabiah Lil Ulum al-Amaniah, 2008), 46 dan Abdul Rahman al-Jaziri, *Kitab al-Fiqh Ala Mazahib Al-Arba'ah* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 2003) 2: 314-315.

⁵ Humaira, N., & Tarmizi. (2018). Perlindungan Hukum terhadap Anak sebagai Korban Pedofilia (Suatu Penelitian di Wilayah Pengadilan Negeri Sigli). *Jurnal Ilmiah Mahasiswa*, 2(2), 398–407. <http://jim.unsyiah.ac.id/pidana/article/view/14375>. Lihat juga Undang-undang Malaysia, Akta Kanak-Kanak 2001.

⁶ Undang-undang Malaysia, Akta Kanak-Kanak 2001.

6. Meningkatkan khidmat sokongan bagi menangani pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak.
7. Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan bagi menambah baik perlindungan terhadap kanak-kanak.

Bagi menjayakan dasar ini, khidmat sokongan diperluaskan dengan penyediaan kaunseling kepada mangsa, keluarga, pesalah dan komuniti setempat serta menyediakan perlindungan dan kesihatan kepada mangsa dan keluarga. Kemudian, kerajaan menggalakkan pihak yang berautoriti untuk membuat penyelidikan dan pembangunan mengenai perlindungan kanak-kanak. Pedofilia yang merupakan perilaku seks songsang yang menyasarkan kanak-kanak ini perlu dibanteras secara optimum. Secara akademik, kajian perlu dilakukan bagi melindungi mangsa-mangsa yang merupakan bakal-bakal peneraju negara dan dalam masa yang sama dapat membuat satu garis preventif supaya dapat membanteras kes baharu daripada berlaku di masa akan datang.

Metodologi Kajian

Bagi penghasilan kajian yang baik dalam menyediakan solusi preventif, kajian literatur adalah tahap penting dalam proses penelitian akademik. Peneliti mengaplikasikan beberapa peringkat penting bermula dari perangkaan, identifikasi iaitu termasuk pencarian, pengumpulan bahan-bahan, kemudian membuat penilaian dan kemudian membuat analisa dengan mensintesis literatur yang relevan dengan topik penelitian. Tujuan kajian literatur adalah untuk memahami penelitian sebelumnya yang telah dilakukan dalam bidang yang sama atau terkait, mengidentifikasi *gap* pengetahuan, dan membentuk dasar teoritikal bagi penelitian yang dilakukan. Kajian literatur membantu peneliti memperoleh kefahaman mendalam tentang konteks penelitian, mencegah pengulangan, dan memastikan bahwa penelitian baru memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pengetahuan yang sedia ada.

Dalam memanfaatkan metode penelitian ini, *Systematic Literature Review* (SLR) digunakan secara komprehensif. *Systematic Literature Review* adalah pendekatan kajian literatur yang berstruktur dan terperinci. Ini melibatkan proses yang sistematik untuk mengatur, mengidentifikasi, menilai, dan menafsirkan keseluruhan kajian yang relevan dan terfokus dengan topik penelitian.⁷ Metodologi ini dimanfaatkan bagi tujuan untuk memberikan tinjauan yang komprehensif dan terperinci tentang topik penelitian. Pendekatan ini sering digunakan dalam penelitian ilmiah dan bidang-bidang seperti perubatan, psikologi, dan ilmu sosial yang mempunyai keperluan untuk menggabungkan dapatan dari berbagai kajian untuk mendapatkan kefahaman yang lebih baik tentang fenomena tertentu.

Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada keperluan daripada topik yang disentuh, dirangkakan persoalan-persoalan kajian. Berikut dijadualkan persoalan kajian yang diringkaskan :

Jadual 1.0 : Pembinaan Persoalan Kajian Berdasarkan Kluster

Kluster	Persoalan Kajian
---------	------------------

⁷E. Triandini, S. Jayanatha, A. Indrawan, G. W. Putra, B. Iswara, "Metode Systematic Literature Review untuk Identifikasi Platform dan Metode Pengembangan Sistem Informasi di Indonesia," *Indonesian Journal of Information Systems (IJIS)* 1(2) (2019), 63-77.

Kekinian	Apakah kajian berkait pedofilia dari tahun 2019-2024?
Isu berkait perlakuan pedofilia dalam kalangan kanak-kanak	Apakah isu dalam perlakuan pedofilia dalam kalangan kanak-kanak?
Faktor faktor perlakuan pedofilia	Apakah faktor yang membawa kepada perlakunya?
Solusi preventif kepada perlakuan pedofilia	Apakah metode yang dijadikan sebagai solusi preventif kepada perlakuan pedofilia?

Proses Identifikasi

Dalam proses identifikasi, kajian-kajian lepas telah dimanfaatkan bagi memperoleh data-data yang bersesuaian bagi memenuhi persoalan dalam kajian ini. Proses pencarian dilaksanakan dengan memanfaatkan enjin carian daripada “Google Shcholar” di alamat <https://scholar.google.com/>.

Dalam memastikan data yang ditemui bersesuaian dengan penelitian dan fokus, maka carian tersebut telah ditetapkan dengan beberapa spesifikasi perincian. Saringan berdasarkan kajian antara tahun 2019 sehingga 2024 iaitu dalam tempoh enam (6) tahun kebelakangan. Tahun 2019 menjadi garis dengan mengambil kira faktor kekinian. Secara ringkas, kajian-kajian yang menjadi dapatan carian dipilih jika melepasi tapisan dan kriteria berikut:

- Kajian terbitan dalam tempoh 6 tahun; 2019-2024.
- Kajian yang diperoleh melalui enjin carian “Google Shcholar” dengan alamat <https://scholar.google.com/>.
- Kajian yang berkaitan dengan pedofilia, faktornya dan solusi preventif serta instrumen Psikospiritual Sunnah bagi pencegahan perlakuan tersebut.

Seterusnya, digariskan langkah-langkah yang dilaksanakan dalam pengidentifikasi dan pengumpulan data bermula dari proses observasi hingga proses dokumentasi.

- Penetapan skop kajian iaitu kajian yang berkaitan dengan pedofilia, faktornya dan solusi preventif bagi pencegahan perlakuan tersebut.
- Mencari kajian-kajian yang diperoleh melalui enjin carian “Google Shcholar” dengan alamat <https://scholar.google.com/>.
- Memasukan beberapa kata kunci berkaitan pada ruangan enjin carian seperti “pedofilia”, “preventif kes pedofilia”, psikospiritual dalam pencegahan pedofilia” dan lain-lain kata kunci yang dianggap penting oleh pengkaji.
- Pemilihan kajian-kajian bertahun 2019 hingga 2024 sebagai tapisan untuk menentukan kajian terkini dalam tempoh 6 tahun.

Proses Penilaian

Dalam penelitian kajian literatur, kesemua kajian yang ditemui akan dinilai berdasarkan kriteria seperti berikut:

- Adakah wujud artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan diterbitkan dalam tempoh masa antara 2019 hingga 2024?

- Adakah wujud artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan yang membincangkan isu dalam perlakuan pedofilia dalam kalangan kanak-kanak?
- Adakah artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan menyentuh mengenai faktor yang membawa kepada perlakunya isu pedofilia?
- Adakah artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan menyentuh mengenai solusi preventif kepada perlakuan pedofilia?

Bagi memudahkan penjadualan penilaian, setiap artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan akan derikan nilai jawapan untuk setiap pernyataan sebagaimana berikut:

- Y mewakili (Ya)
- X mewakili (Tidak)

Proses Analisis

Artikel-artikel jurnal atau kertas kerja penyelidikan kemudian dikumpulkan dalam bentuk jadual dan kemudiannya dianalisis bagi mendapatkan data-data berikut:

- Penentuan tahun kajian mengenai pedofilia bermula dari tahun 2019 hingga 2024.
- Isu berkait dengan pedofilia
- Faktor perlakuan pedofilia dalam kalangan kanak-kanak
- Solusi preventif kepada perlakuan pedofilia

Dapatan dan Perbincangan

Sebanyak 90 buah artikel dan kertas kerja penyelidikan telah disenarai pendekkan. Sebahagian besar iaitu tujuh puluh tiga peratus (73%) dapat diterima statusnya kerana menepati kriteria penilaian manakala baki dua puluh tujuh peratus (27%) berstatus tidak diterima kerana tidak menjawab persoalan-persoalan yang ditetapkan. Berikut disenaraikan hasil dapatan yang dimuatkan dalam jadual :

Bil	Penulis	Tajuk	Tahun	QA1	QA2	QA3	Hasil
1.	Ermania Widjajanti, Rusmilawati Windari.	Pedophilia As A Form Of Sexual Deviance From A Social Bonds Theoretical Perspective. <i>IIUM Law Journal</i> , 29((S1), 177–194. https://doi.org/10.31436/iiumlj.v29i(S1).641	2021	Y	Y	Y	Diterima
2.	Fenny Etrawati	Identification of Risk Factors and Consequences of Sexual Violence in Children <i>-Jurnal Ilmu Kesehatan Masyarakat (JIKM)-</i>	2020	Y	Y	X	Diterima
3.	Michael Steven Ernanda, Hari Soeskandi	Pertanggungjawaban Pemerintah Terhadap Efek Samping Kebiri Kimia Terhadap Terdakwa Kejahatan Seksual <i>-Indonesia Journal of Law and Social-Political Governance</i> , 2(2), 2022-	2022	Y	X	Y	Diterima
4.	Isabella Hasiana	Peran Orangtua Dalam Pendidikan Seksual	2020	Y	Y	Y	Diterima

		Anak Usia Dini <i>Jurnal WAHANA</i> , Universiti PGRI Adi Buana Surabaya							
5.	Anjeli Holivia, Teguh Suratman	Child Cyber Grooming Sebagai Bentuk Modus Baru Cyber Space Crimes <i>-Bhirawa Law Journal-</i>	2021	Y	Y	Y		Diterima	
6.	Eva Nurlia, Puti Priyana	Perlindungan Hukum Terhadap Anak Korban Child Grooming Terhadap Anak Korban Child Grooming Di Media Sosial Dan Upaya Penanggulangannya <i>- Jurnal Ilmu Hukum dan Humaniora</i> , 9(6), 3043-3050.	2022	Y	Y	Y		Diterima	
7.	Dwi Rochmawati, Asri Masitha Arsyati, Supriyanto	Gambaran Keterpaparan Media Berkonten Pornografi Pada Anak-Anak Peserta Didik Kelas 4, 5 dan 6 di Sdn Kayu Manis 2 Kota Bogor	2019	X	Y	Y		Diterima	
8.	Mohd Suhaime, A. N. ., Mansor, N. H. ., Rekan, A. A. ., Mohammad Jodi, K. H. ., & Zainal Abidin, M. S.	Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi Berasaskan Pendekatan Psikospiritual Islam: Satu Analisis Keperluan	2020	X	X	X	X		
9.	Tuan Ahmad Abrar, Amin M.Z.M	Literature Review Of Prevention And Treatment Of Pedophilia Based On Psychospiritual Quran And Sunnah - Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019) ,Universiti Sains Islam Malaysia -	2019	Y	Y	Y		Diterima	
10.	Usman, A. H., Wazir, R., Shaharuddin, S. A., Salleh, N. M., Nasir, M. N., & Shahabudin, M. F. R.	Maqam Sabar dalam Psikoterapi Pemulihan Pedofilia: Kajian Terhadap Qūt al-Qulūb Syeikh Abū Ṭālib Al-Makkī (W. 996 M) - <i>Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues</i> , 5(1) (2020), 293-301. -	2020	Y	X	X		Diterima	
11.	AH Usman, MFR Shahabudin	Analisis Literatur Sistematis Terhadap Keperluan Modul Psikoterapi Al-Quran: Tumpuan Pemulihan Salah Laku Pedofilia. - <i>Journal Sultan Alauddin Sulaiman Shah</i> -	2019	Y	X	X		Diterima	
12.	Jivin, J. G., Muhd. H. D., & Suziyanah M. S.	Pedofilia di Malaysia - PK6353 Psikopatologi -	2019	Y	Y	X		Diterima	
13.	Manaf, M.	Dasar Perlindungan Terhadap Mangsa Pedofilia Menurut Undang-Undang Di Malaysia Dan Pengawalannya Melalui Program Pencegahan. - <i>Al-Hikmah</i> , 15(1), 14-28.	2023	Y	Y	Y		Diterima	
14.	Usman, A. H., Shaharuddin, S. A., Mohd Salleh,	Elemen Syukur Dalam Psikoterapi Islam:Adaptasi Terhadap Rawatan Pedofilia: Element of Gratitude in Islamic	2020	Y	X	X		Diterima	

	N., Nasir, M. N., Wazir, R., & Shahabudin, M. F. R.	Psychotherapy:Adaption for Pedophilia Treatment. - <i>Jurnal Pengajian Islam</i> , 13(1), 86–97 -					
15.	Novita Maulidya Jalal, Rahmawati Syam, Wilda Ansar, & Irdianti Irdianti	Pemberian Psikoedukasi Dalam Bentuk Webinar Pencegahan Kekerasan Seksual Pada Mahasiswa Organisasi Fsi. - <i>Jurnal Pengabdian Mandiri</i> , 1(5), 803–810 -	2022	X	X	Y	Diterima
16	Anikmatul Khoiroh	Bimbingan dan Konseling Keagamaan Bagi Wanita Korban Kekerasan Seksual – <i>Jurnal Dakwah dan Komunikasi Islam</i> -	2021	X	X	X	X
17.	Sri Maryati	Metode Psikoterapi Islam Terhadap Penderita Gangguan Kesehatan Mental Pada Siswa Di Pondok Pesantren Darul Muizi Bandung - <i>Jurnal Syntax Admiration</i> -	2020	X	X	X	X
18.	Ab Razak, H., Zainal Abidin, L., & Emam Sallam, A. M. S.	Pendekatan Psikoterapi Islam dalam Merawat Kemurungan Wanita Muslimah – <i>Jurnal Pengajian Islam</i> 204–217, <i>KUIS</i> -	2022	X	X	X	X
19.	Mokhtar, A. A., & Mohd Noor, M.	Zikir dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam – <i>Jurnal Pengajian Islam</i> 204–217, <i>KUIS</i> -	2021	X	X	X	X
20.	Achmad Junaedi Sitika, Muhamad Taufik BK, Ahmad Syahid	Penyuluhan Pendidikan Islam: Upaya Penyadaran dan Pencegahan Tindak Kekerasan Seksual Berbasis Al-Qur'an	2022	X	X	X	X
21.	Mustafa, N., Abu Bakar, A. L., Basri, M., & Usman, A. H.	The Concept of Sad al-Dhara'i'(Blocking the Means) Related to Preventive and Rehabilitation in Sexuality Education in Malaysia - <i>Journal of Islamic and Contemporary Issues</i> -	2021	X	X	X	X
22.	AH Usman, MFR Shahabudin, MP Guleng, R Muhamad	Systematic Literature Review On The Requirement Of Quranic Psychotherapy Model: Paedophilia Recovery Foundation	2020	Y	X	X	Diterima
23.	P, M., Muslihah, N., & Titin Andri Wihastuti	Cognitive-Behavioral Therapy in Preventing Residivitis in Pedophilia: A Systematic Review - <i>International Journal of Science and Society (IJSOC)</i> , , 2(3), 86-99. -	2020	Y	Y	Y	Diterima
24.	Saiful Amri, Amin M.Z.M.	Model Of Psycho Spiritual Therapy Based On Al-Quran And Hadith In The Treatment Of Drug Addiction - Conference on Quran As Foundation of Civilization (SWAT) 2019 -	2019	X	X	X	X
25.	M. Saidin, A. Salaeh, Mohd Amin Z. M., Syed Hassan S. N., Yusoff A. M.	Rawatan Penagihan Dadah Melalui Terapi Model Psikospiritual Holistik Berasaskan Aspek Ibadah: Satu Kertas Konsep - E-Proceeding ICMAS 2021 -	2021	X	X	X	X

26.	Mohd Hefzan bin Azmi, Muhammad Nubli bin Abdul Wahab	Pembangunan Model Rawatan Psikospiritual Untuk Meningkatkan Ciri Kepulihan Orang Kena Pengawasan: Satu Tinjauan Literatur - <i>International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)</i> , Jun 2019, pp 74-88.	2019	X	X	X	X
27.	Dinarti, Heni Nurhaeni	Psychoeducation in Family with Clients Recovering from the Risk of Violent Behavior - <i>Indian Journal of Public Health Research and Development Volume 14 No. 1, January-March 2023</i> -	2023	X	X	X	X
28.	I. Farhana, S. Nabilah, S. Anuar, S. Ahmad, S. Marpuah	Islamic psychospiritual interventions against teenage delinquency problems according to Imam Al-Ghazali -Proceeding, AIP Conf. Proc. 2347, 020303 (2021), https://doi.org/10.1063/5.0052144 -	2021	X	Y	Y	Diterima
29.	Zainol, N. Z. N., Mustapaha, A. S., Mohammad, C. A., Mohamed, N. K., & Saad, M. F. M.	The Propose on Tazkiyah Al-Nafs Approach by Sheikh Said Hawwa for Women Rehabilitation Centre - <i>International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences</i> , 11(9), 427–438 -	2021	X	X	X	X
30.	Rüveyda Yüksel, Hülya Arslantaş	An Evidence-Based Psychiatric Rehabilitation Implementation: Illness Management and Recovery - <i>Psikiyatride Güncel Yaklaşımlar-Current Approaches in Psychiatry</i> 2021; 13(3):462-477 -	2020	X	X	X	X
31.	Thanapal Sivakumar, Jagadisha Thirthalli, Naveen Kumar, Chethan Basavarajappa	Community-Based Rehabilitation for Persons with Severe Mental Illness in a Rural Community of Karnataka: Methodology of a Randomized Controlled Study - <i>Indian J Psychol Med.</i> -	2020	X	X	X	X
32.	Zulkipli, S. N., Suliaman, I., Abidin, M. S. Z., Anas, N., & Ahmat, A. C.	The Development Theory of Al-‘Aql, Al-Qalb and al-Nafs in Islamic Psychotherapy - <i>International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences</i> , 12(11), 2432 – 2449. -	2022	X	X	X	X
33.	Abdul Rokhman, Nur Hidayati, Moh. Saifudin	Programme of Eradicating Pasung in Lamongan Through Community Mental Health Nursing Approach - <i>Proceedings of the Third International Conference on Sustainable Innovation</i> 2019 -	2019	X	X	X	X
34.	Ravinder Singh, Upmesh Kumar	Healing Mind: Mental health, Indigenous healers and Traditional Medicine - <i>SPC Journal of Social Sciences</i> , 3 (1) (2021) 28-40 -	2021	X	X	X	X

35.	Joe Purshouse	“Paedophile Hunters’, Criminal Procedure, and Fundamental Human Rights.” <i>Journal of Law and Society</i> , 47,3 (2020), 384-411.	2020	Y	X	X	Diterima
36.	Emily Chiang, Mark De Rond, Jaco Lok,	Identity in a Self-styled ‘Paedophile-hunting’ Group: A Linguistic Analysis of Stance in Facebook Group Chats - Applied Linguistics, 10.1093/applin/amad034 -	2023	Y	Y	X	Diterima
37.	Mark de Rond, Jaco Lok, Adrian Marrison	To Catch a Predator: The Lived Experience of Extreme Practices, <i>Academy of Management Journal</i> , 10.5465/amj.2020.1492, 65, 3, (870-902)	2022	Y	X	X	Diterima
38.	Leanna Ireland	The acquisition of legitimacy for civilian policing: A case study of pedophile hunting groups, <i>Crime, Law and Social Change</i> , 10.1007/s10611-022-10045-y, 79, 2, (195-216)	2022	Y	Y	X	Diterima
39.	Christensen, L. S., & Vickery, N.	Christensen, Larissa S., Noah Vickery, "The characteristics of virtual child sexual abuse material offenders and the harms of offending: a qualitative content analysis of print media" <i>Sexuality & Culture</i> , 27 (5) (2023), 1813-1827.	2023	Y	Y	X	Diterima
40.	Joe Purshouse	Citizen-led digital policing and democratic norms The case of self-styled paedophile hunters - <i>Journal Of Law And Society</i> Volume 47, Number 3, September 2020 Issn: 0263-323x, Pp. 384–411 -	2020	Y	Y	X	Diterima
41.	Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R	Crime And Review Of Pedophilia Criminology As Deviant Behavior In Medan – <i>Jurnal INFOKUM</i> , 10(5), 700-709. -	2022	Y	Y	X	Diterima
43.	Casman Casman, Nurlaila Fitriani, Bahtiar Bahtiar, Anung Ahadi Pradana, Yanis Helfiyanti	Portrait of Interaction Between the Internet, Pornography and Child Sexual Abuse in Indonesia - <i>Jurnal Kesehatan Pasak Bumi Kalimantan</i> , Vol 4 No 2, Desember 2021 pISSN : 2654-5241 -	2021	X	Y	X	Diterima
44.	Gracia Anastasya1 dan Tanti Susilarini	Konsep Diri Pada Dewasa Awal Yang Pernah Menjadi Korban Pedofilia Di Kota Medan, Sumatera Utara - <i>Jurnal IKRA-ITH Humaniora</i> Vol 5 No 2 Bulan Juli 2021 -	2021	Y	Y	X	Diterima
45.	Mahardika, A. R., Dewi, A. A. S. L., & Widyantara, I. M. M.	Sanksi Pidana bagi Pelaku Tindak Pidana Pedofilia terhadap Anak - <i>Jurnal Konstruksi Hukum</i> , 1(1), September 2020, 19-25, https://doi.org/10.22225/jkh.1.1.2124.19-25 -	2020	Y	Y	X	Diterima

46.	Athoillah Abdul Harahap	Islamy, Aziz	Paradigma Maqasid Shariah Kontemporer Tentang Sanksi Hukum Kebiri Bagi Pelaku Kejahatan Pedofilia - <i>Jurnal AL-MAQASID: Jurnal Ilmu Kesyariahan Dan Keperdataan</i> , 7(1), 123-141-	2021	Y	X	X	Diterima
47.	Multiwijaya, V. R		Perlindungan Terhadap Anak Sebagai Korban Tindak Pidana Pedofilia - <i>Hukum Pidana dan Pembangunan Hukum</i> , 1(2) -	2019	Y	Y	Y	Diterima
48.	Nabilla Hendra Setiawan	Rahma,	Analisis Framing Model Zhongdang dan Gerald Kosicki Berita Kasus Pedofilia Guru Pesantren Cabuli 12 Murid pada Media Daring CNNIndonesia.com dan Kompas.com - <i>Jurnal Pendidikan Tambusai</i> , 6(1), 4000-4006, Tahun 2022 -	2022	Y	X	X	Diterima
49.	Sahnaz Faisar Ananda	Kartika,	Penjatuhan Hukuman Kebiri Kimia Pada Pelaku Kejahatan Pedofilia Dalam Perspektif Maqashid Syari'ah Asy-Syathibi - <i>Jurnal Hukum Ekonomi</i> 8 (1) ,Jun 2022 -	2022	Y	X	X	Diterima
50.	Usman, A. H., Shaharuddin, S. A., Mohd Salleh, N., Nasir, M. N., Wazir, R., & Shahabudin, M. F. R.		Pedofilia Menurut Perspektif Al-Quran: Satu Analisis Tematik - <i>E-proceeding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan</i> , 19-30.-	2019	Y	X	X	Diterima
51.	Rahim Zaman, Khairulnazrin Nasir, Ikmal Adnan	Kamarul	Dimensi Teoritik Psikoterapi Komplementari Dalam Tafsir Al-Qurṭubī - <i>Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah</i> , 19(1), 96-114-	2023	X	X	X	X
52.	Zulkipli, S. N., Suliaman, I., Zainal Abidin, M. S., Anas, N., & Nadzif Wan Jamil, W. K.		Psikoterapi Nabawi Sebagai Rawatan Komplimentari Kejiwaan Dalam Menangani Isu Kesihatan Mental. - <i>Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies</i> , 45(1) (2023), 195-213. -	2023	X	X	X	X
53.	Akib, M. M. M., Ferdaus, F. M., & Ishak, H.		Spiritual Strengthening of Man Through Prayer of Worship - <i>Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam</i> , 24(1) (2022), 381-408. -	2022	X	X	X	X
54.	Ahmad Mokhtar, Mardiana Mohd Noor	A'toa'	Zikir dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam	2021	X	X	X	X
55.	Rahim, K. Z., & Nordin, M. K. N. C.		Interpretasi Ayāt Al-Tasliyah: Kajian Mekanisme Alternatif Rawatan Psikoterapi Pesakit Neurosis Berteraskan Al-Qur'an -GJAT : Global Journal Al-Thaqafah , 9(3), 93-105.	2019	X	X	X	X
56.	Pambudi		Pelaku Pedofilia (Tinjauan Dari Faktor	2021	Y	Y	X	Diterima

	Rahardjo, Kaniya Puri,	Penyebab Dan Aspek Dinamika Psikologis) - <i>PSIMPHONI</i> , Vol. 1 No. 2, Februari 2021 -					
57.	Usman, A. H., Shaharuddin, S. A., Mohd Salleh, N., Nasir, M. N., Wazir, R., & Shahabudin, M. F. R.	Analisis Isu Pedofilia Menurut Hadis Nabi Berkaitan Perkahwinan - <i>E-Proceeding of The 4th International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2019). 20 November 2019.</i> <i>KUIS</i> -	2019	Y	X	X	Diterima
58.	Shohib, M., DPR, J. K. H. A. K., & No, N.	Pengenalan Pengetahuan Santri Pesantren Al-Mansyhuriyah Terhadap Kejahatan Pedofilia. - <i>Jurnal Abdimas</i> , 5(1) -	2019	Y	Y	Y	Diterima
59.	Damaryanti, H., Dawi, K. D., Serah, Y. A., Siswadi, S., & Hastian, T.	Persepsi dan opini publik atas tayangan sinetron bernuansa pedofilia di indosiar - <i>Jurnal Komunikasi Profesional</i> , 6(3), 230- 239. -	2022	Y	X	X	Diterima
60.	Satwini, L. D. P., & Widyawati, T. I.	Peranan Dinas Pemberdayaan Perempuan Dan Perlindungan Anak Dalam Menanggulangi Kasus Pedofilia Di Kabupaten Tangerang. - <i>Jurnal Ilmu Administrasi: Media Pengembangan Ilmu Dan Praktek Administrasi</i> , 17(1), 50-62. -	2020	Y	Y	Y	Diterima
61.	Ahmad Rizal Subaktiar	Perlindungan Hukum Bagi Korban Dan Pelaku Pedofilia Serta Rehabilitasi Bagi Pelaku Pedofilia - <i>Jurnal Hukum dan Hukum Islam</i> , Vol. 10 No. 3 Oktober 2023 -	2023	Y	Y	Y	Diterima
62.	Ong, P. V., & Gunadi, A.	Pelaku Pedofilia: Hukum Positif Atas Kasus Kekerasan Seksual. - <i>Widya Yuridika: Jurnal hukum</i> , 6(2), 311- 316.	2023	Y	Y	X	Diterima
63.	Binol, A. M. G.	Pemenuhan Hak Anak Korban Pedofilia Di Kota Manado Menurut Perspektif Hak Asasi Manusia. - <i>LEX ADMINISTRATUM</i> , 8(2).	2020	Y	Y	X	Diterima
64.	Anastasya, G., & Susilarini, T.	Self-Concept In Early Adults Who Had Been Victims Of Pedofilia In Medan City, North Sumatra. - <i>IKRA-ITH HUMANIORA: Jurnal Sosial dan Humaniora</i> , 5(2), 1-8. -	2021	Y	Y	Y	Diterima
65.	Siregar, N. O., & Islah, I.	Tinjauan Yuridis Tindak Pidana Pedofilia Berdasarkan Hukum Di Indonesia. - <i>Jurnal Ilmu Sosial Humaniora Indonesia</i> , 2(1), 31- 42. -	2022	Y	Y	X	Diterima
66.	Minanto, A., & Elfia, E.	Respon Ulama dan Dokter terhadap Hukuman Kebiri Kimia Bagi Pelaku Pedofilia. - <i>Al-Qisthu: Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Hukum</i> , 20(2), 212-228. -	2022	Y	X	X	Diterima
67.	Zaki, N. I. M., &	Pedofilia: Persepsi Dan Kebimbangan Ibu	2020	Y	Y	X	Diterima

	Nen, S.	Bapa. - <i>Jurnal Wacana Sarjana</i> , 4(4), 1-13. -						
68.	Afriandi, E., Hidayat, I., & Azed, A. B.	Perlindungan Hukum Bagi Saksi Pengungkap Fakta Dalam Perkara Pedofilia. - <i>Legalitas: Jurnal Hukum</i> , 10(2), 192-217. -	2019	Y	X	X	Diterima	
69.	Artaxerxes, S., & Mulati, M.	Tinjauan Terhadap Kasus Pencabulan Anak Dibawah Umur (Pedofilia) Sesama Jenis Ditinjau Dari Undang-Undang Nomor 35 Tahun 2014 Jo Undang-Undang Nomor 17 Tahun 2016 (Studi Putusan 90/Pid. Sus/2016/Pn Bms). - <i>Jurnal Hukum Adigama</i> , 2(1), 1165-1187. -	2019	Y	Y	X	Diterima	
70.	Alesyanti, A.	Antisipasi Dini Merebaknya Prilaku Pedofilia Di Kota Medan. - <i>Prosiding Seminar Nasional Hasil Penelitian (Vol. 2, No. 2, Pp. 820-828)</i> . -	2019	Y	Y	X	Diterima	
71.	Liwa, M. A., Nursanthy, A. T. R., & Astuty, E. B.	Penegakan Hukum Terhadap Pelaku Kejahatan Pedofilia (Kelainan Seksual). - <i>Collegium Studiosum Journal</i> , Vol. 3 No. 2, 2020 -	2020	Y	Y	X	Diterima	
72.	Tawakal, C. S.	Psikotik Dan Pedofilia Dalam “Mak Ipah Dan Bunga-Bunga” Karya Intan Paramadhita: Kajian Psikologi Sastra. - <i>Mahakarya: Student's Journal of Cultural Sciences</i> , 3(1), 21-30. -	2022	Y	X	X	Diterima	
73.	Hadijah Augiri, Hambali Thalib & Baharuddin Badaru	Penerapan Hukum Hakim Terhadap Tindak Pidana Pedofilia Di Kota Makassar – <i>Jurnal of Lex Generalis (JLS)</i> , 2(3), Mac 2021. -	2021	Y	X	X	Diterima	
74.	Renyaan, W., & Ingratubun, B. S.	Kajian Kriminologi Terhadap Kejahatan Pedofilia Di Wilayah Hukum Polres Keerom. - <i>Jurnal Hukum Ius Publicum</i> , 2(2), 161-172. -		Y	Y	X	Diterima	
75.	Salsa Nabila, H.	Hukuman Kebiri Kimia Bagi Pelaku Pedofilia Di Indonesia Menurut Hukum Internasional Mengenai Hak Asasi Manusia - <i>Dinamika Sosial Budaya</i> , Vol 22, No. 2, Desember2020, pp 129-139 -	2020	Y	X	X	Diterima	
76.	Chintya, A.	Hubungan Antara Pemberitaan Pedofilia Di Media Massa Dan Kecemasan Orang Tua. - <i>Jurnal Ilmu Komunikasi</i> , 1(2), 37-49.		Y	X	X	Diterima	
77.	Dewantini, N. L. I. C., Fauzia, R., & Safitri, J.	Gambaran Resiliensi Pada Korban Pedofilia Di Denpasar, Bali (Studi Kasus Pada KP & WN). - <i>Jurnal Kognisia</i> , 3(1), 85-93. -	2020	y	y	X	Diterima	
78.	Sanaya, V., Effendi, E., &	Perbandingan Pengaturan Sanksi Pidana Terhadap Pelaku Pedofilia Dalam Hukum	2021	Y	X	X	Diterima	

	Artina, D.	Positif Indonesia Dan Hukum Islam. - <i>Jurnal Online Mahasiswa (JOM) Bidang Ilmu Hukum</i> , 8(1), 1-15. - https://jnse.ejournal.unri.ac.id/index.php/JOMFHUKUM/article/download/29413/28332					
79.	Usman, A. H., Nasir, M. N., Salleh, N. M., Azman, S., Shaharuddin, R. W., & Shahabudin, M. F. R.	Elemen Anti Pedofilia Menurut Hadis Perkahwinan Rasulullah SAW Bersama 'Ā'isha RA [Anti-Paedophilia Elements According to Hadith of Marriage with 'Ā'isha RA]. - <i>Jurnal Hadis</i> , Vol. 10, No. 19 (Jun 2020)	2020	Y	X	X	Diterima
80.	Kondo, M., & Karneli, Y.	Penggunaan konseling psikoanalisis dan rational emotive behavior therapy dalam konseling perorangan. - <i>TERAPUTIK: Jurnal Bimbingan dan Konseling</i> , 4(2), 112-118. -	2020	X	X	X	X
81.	Ema Afnita, Syaiful Bahri, Dara Rosita	Upaya P2tp2a Banda Aceh Dalam Melakukan Pembinaan Anak Korban Kekerasan Seksual	2019	X	X	X	X
82.	A. M. Mardziah	Dasar Perlindungan Terhadap Mangsa Pedofilia Menurut Undang-Undang Di Malaysia Dan Pengawalannya Melalui Program Pencegahan, <i>Jurnal al-Hikmah</i> , 15 (1) 2023, 14-28.	2023	Y	X	Y	Diterima
83.	Furian, G., Beier, K. M., Schwarz, K., da Silva, D. C., Grundmann, D., & Lobato, M. I. R.	The Need for a Prevention Program for Child Sexual Abuse in Brazil: A Report of Shortfall Care to Pedophilia and its Critical Consequences. <i>Journal of Child & Adolescent Trauma</i> , 1-5.	2023	X	X	X	X
84.	Muhammad Safar, Yasmirah Mandasari Saragih, Sumarno, Teguh Hidayat Siregar, Sri Utami	Penegakan Hukum Pidana Bagi Pelaku Pedofilia Atas Kejahatan Seksual Terhadap Anak <i>Journal Of Social Science Research</i> , 4(3) (2024), 7422-7433	2024	Y	Y	Y	Diterima
85.	D. M. M. Yusuf, Rahmat Hidayat, Fernando Manurung, Candra Herianto Sinaga, Rony Maka Suci,	Penegakan Hukum Pidana Terhadap Pemberian Hukuman Kebiri bagi Pedofilia dari Perspektif HAM. <i>Mandalika Law Jurnal</i> , 2(1) (2024), 1-8.	2024	Y	Y	X	Diterima
86.	Widhy Andrian Pratama	Analisis Normatif Perlindungan Hukum Terhadap Anak sebagai Korban Kejahatan Pedofilia Ta'zir, <i>Jurnal Hukum Pidana</i> , 8(1) (2024), 17-28	2024	Y	X	Y	Diterima
87.	Suprihyatin,	Penyimpangan Seksual Dalam Perspektif	2024	Y	Y	Y	Diterima

	Nanik	Psikologi (Solusi Atas Masalah Penyimpangan Seksual Dalam Perspektif Psikologi). <i>AKADEMIKA: Jurnal Ilmiah Kependidikan</i> , 23(1) (2024), 47-51.						
88.	Khafifa Putri Zainab Jainah,	Adhelia Ikhsan, Ompu	Criminal Responsibility for Children - Crime of Inducing Victims to Commit Sexual Intercourse (Study Decision Number 40/Pid.Sus-Anak/2023/PN.Tjk) <i>QISTINA: Jurnal Multidisiplin Indonesia</i> , 3(1) (2024), 398-401	2024	Y	Y	Y	Diterima
89.	Yustia O. Jason Simanungkalit, Raihan Heryadi, & Herli Antoni.	Pradini, A.R.	Dampak Kecanduan Film Porno Terhadap Kekerasan Dan Kejahatan Seksual Terhadap Anak di Bawah Umur. <i>Kultura: Jurnal Ilmu Hukum, Sosial, Dan Humaniora</i> , 2(1), 282–292.	2024	Y	Y	X	Diterima
90.	Zakiyah, Zakiyah, and Tajul Arifin		Penolakan Tindakan Kebiri Kimia Oleh Dokter, Antara Kode Etik dan Hadits Riwayat Muslim serta Pasal 81 Uu No. 70 Tahun 2016. <i>Tashdiq: Jurnal Kajian Agama dan Dakwah</i> , 5(1) (2024), 41-50.	2024	Y	X	Y	Diterima

Sumber: Hasil Analisis

Bilangan Keseluruhan Mengikut Pecahan Tahun Kekinian**Jadual 2.0: Pecahan Kajian Mengikut Tahun Kekinian**

Tahun	Bilangan
2024	7
2023	14
2022	21
2021	16
2020	17
2019	16
Jumlah	90

Sumber: Hasil Analisis

Isu dalam Perlakuan Pedofilia dalam Kalangan Kanak-Kanak

Pedofilia merupakan suatu isu yang semakin meruncing. Penyelewengan seks ini bahkan menjadi fenomena yang mengerikan dan perlu dijadikan perbincangan yang mendesak⁸. Saban tahun kajian telah dilakukan terutamanya menyentuh soal perundangan baik dalam negara

⁸ Ermania Widjajanti, & Rusmilawati Windari, "Pedophilia As A Form Of Sexual Deviance From A Social Bonds Theoretical Perspective", *IIUM Law Journal*, 29(S1) (2021), 177–194.
[https://doi.org/10.31436/iiumlj.v29i\(S1\).641](https://doi.org/10.31436/iiumlj.v29i(S1).641)

mahupun antarabangsa. Dalam memberikan peringatan kepada masyarakat tentang wujudnya satu undang-undang khusus yang diperuntukkan bagi menjaga hak kanak-kanak⁹ kemudian memperkasakan lagi undang-undang sedia ada tersebut. Indonesia umpamanya telah memperkenalkan hukuman “pengembirian kimia” atau “*chemical contraction*”.¹⁰ Bukan sahaja hukuman penjara kepada pelaku pedofilia dikenakan, bahkan mereka turut dihukum secara biologikal. Selain itu, terdapat hukuman tambahan berbentuk pendedahan umum identiti pesalah, rehabilitasi dan pemasangan alat pengesan elektronik.¹¹ Perundangan sepatutnya perlu diperkasakan secara optimum demi menjaga kemaslahatan.

Dalam perbincangan perlakuan pedofilia, kanak-kanak dilihat sangat terdedah dengan orang dewasa yang tidak dikenal ketika menggunakan internet terutamanya media sosial. Tanpa menafikan dampak yang positif, media sosial juga tidak lari dari dampak negatif. Kanak-kanak yang masih mencari identiti dengan mencuba pelbagai perkara akan mudah terjebak dengan sesuatu yang terlintas dalam hidup. Dalam menggunakan kemudahan internet atau media sosial, kanak-kanak akan menemui keburukan dengan interaksi dengan pelaku dengan muslihat mereka. Pelaku akan mendekati, merayu dan berselindung di sebalik makna bersosial. Lebih mengerikan, secara fizikal, pelaku tidak dapat diidentifikasi.¹² Mereka adalah sama seperti orang normal dar segi percakapan, gerak-gerinya dan ini membuatkan mereka sukar untuk dikenal pasti.¹³

Kebanyakan pelaku pedofilia adalah daripada golongan lelaki namun begitu golongan wanita tidak terkecuali daripada terbabit dengan isu ini. Terdapat dua jenis pedofilia iaitu pertamanya *hetroseksual* yang menyasarkan kanak-kanak perempuan untuk memenuhi kemahuan erotik. Kebiasaannya, pelaku sudah berkahwin atau memiliki pasangan bahkan sebahagiannya sudah memiliki zuriat. Pelaku akan menggunakan kekerasan bagi tujuan menakutkan mangsa untuk membuatkan mereka menutup mulut dari sampai maklumat ke pihak lain termasuk ibu bapa dan keluarga. Selain itu, jenis yang kedua adalah dari homoseksual iaitu keinginan seks dengan kanak-kanak yang sama jantina. Mereka akan memanipulasi kanak-kanak lelaki dengan menggunakan kaedah yang sama bagi menakut-nakutkan mangsa daripada mengadu dengan sesiapa pun.¹⁴

⁹ P, M., Muslihah, N., & Titin Andri Wihastuti, “Cognitive-Behavioral Therapy in Preventing Residivism in Pedophilia: A Systematic Review” *International Journal of Science and Society (IJSSOC)*, 2(3) (2020), 86-99.

¹⁰ Pedophilia As A Form Of Sexual Deviance From A Social Bonds Theoretical Perspective. *IJUM Law Journal*, 29(S1), 177–194. [https://doi.org/10.31436/ijumlj.v29i\(S1\).641](https://doi.org/10.31436/ijumlj.v29i(S1).641). Lihat juga Michael Steven Ernanda, “Hari Soeskindi, Pertanggungjawaban Pemerintah Terhadap Efek Samping Kebiri Kimia Terhadap Terdakwa Kejahatan Seksual” *Indonesia Journal of Law and Social-Political Governance* 2(2) (2022), 901-918.

¹¹ Sanaya, V., Effendi, E., & Artina, D., “Perbandingan Pengaturan Sanksi Pidana Terhadap Pelaku Pedofilia Dalam Hukum Positif Indonesia Dan Hukum Islam” *Jurnal Online Mahasiswa (JOM) Bidang Ilmu Hukum*, 8(1) (2021), 1-15. Lihat juga BH Online, “Indonesia keluar garis panduan 'pengembirian kimia' perogol kanak-kanak”, laman sesawang Berita Harian Online, dicapai pada 22 April 2024, <https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2021/01/773593/indonesia-keluar-garis-panduan-pengembirian-kimia-perogol-kanak-kanak>.

¹² Mohd Zaki, N. I., & Nen, S., “Pedofilia: Persepsi Dan Kebimbangan Ibu Bapa” *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4) (2020), 1-13.

¹³ Pang, N.T.P., Masiran, R. & Alimuddin, A.S., “Paraphilia without symptoms of primary psychiatric disorder: a case report.” *Jurnal of Medical Case Reports*, 17, 46 (2023), <https://doi.org/10.1186/s13256-023-03774-8>.

¹⁴ Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R., “Crime And Review Of Pedophilia Criminology As Deviant Behavior In Medan” *Jurnal INOKUM*, 10(5) (2022), 700-709.

Berdasarkan statistik kes salah laku seks, sebanyak 22,234 dilaporkan sepanjang 7 tahun bermula pada tahun 2010. Sebanyak 13,272 kes rogol, 6,014 cabul, 1,766 sumbang mahram dan 1,152 laporan berkait seks luar tabii. Ini menjadikan kes dilaporkan berpurata 3.176 setahun dan lebih 8 kes dalam satu hari. Menurut Nazerah Mustafa, keterlibatan remaja bawah umur sangat parah sehingga membawa kepada kehamilan dan kes pengguguran janin.¹⁵ Walaubagaimanapun, realitinya kebanyakan kes yang berlaku masih banyak yang tidak pernah direkodkan dan disorokkan. Ini kerana kes yang berlaku dalam masyarakat yang melibatkan kanak-kanak ini menjadi stigma, malu dan menjadi budaya untuk merahsiakan apa yang berlaku. Budaya ambil mudah dalam kes berkait seksual dalam kanak-kanak ini kadangkala berakhir dengan kecederaan serius dan juga kematian. Bahkan dalam satu kajian oleh Zaki masih ada lagi ibu bapa yang tidak peka dengan isu pedofilia.¹⁶

Pedofilia bukan sahaja melibatkan secara langsung dengan kanak-kanak. Ada juga pelaku yang melibatkan material lucah berkait kanak-kanak. Menurut satu kajian di Australia, mereka menyimpan bahan sama ada secara atas talian atau secara *offline* dalam peranti secara digital. Kes ini banyak berlaku dalam pandemik Covid-19 yang lepas. Dalam tempoh pengasingan sosial dan penambahan masa dalam penggunaan atas talian internet, perkongsian secara digital semakin rancak.¹⁷

Selain itu, terdapat satu kajian yang membincangkan isu yang telah menatijahkan kelahiran kumpulan aktivis yang berkaitan dengan kes pedofilia ini. Golongan ini mempunyai hasrat nurani untuk membasmi pelaku pedofilia di negara mereka iaitu England dan Wales.¹⁸ Atas masyarakat yang prihatin, telah muncul satu golongan yang berusaha untuk memerangi jenayah yang berlaku kepada anak-anak kecil dalam komuniti. Walaubagaimanapun, modus operandi yang dijalankan telah bertentangan dengan nilai dan fungsi sistem perundangan. Perkara ini telah menyebabkan pencegahan, pengesanan dan pendakwaan kesalahan pedofilia terjejas. Atas semangat yang ada, kaedah yang diperkenalkan oleh aktivis telah mengganggu prosedur hak suspek dan telah menjejaskan integriti sistem keadilan jenayah.¹⁹

Walaupun secara populis mendapat perhatian media, namun ianya menjadi permasalahan baharu kepada pelaksana polisi perundangan untuk menjalankan keadilan dalam kalangan masyarakat sosial. Semua faham bahawa pedofilia adalah sesuatu yang perlu dibasmi secara *total*, namun dengan pendekatan yang berasaskan semangat semata-mata tidak membantu bahkan mengganggu. Tidak menafikan terdapat sebahagian kumpulan yang berjaya sehingga membawa kepada pendakwaan dengan bukti yang konkrit, namun ada sebahagian yang lain telah melakukan keganasan.²⁰ Aktivis sepatutnya bersemangat dengan mengikuti dan

¹⁵ Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Shaharuddin, S. A., Nasir, M. N., Wazir, R., & Shahabudin, M. F. R., "Pedofilia Menurut Perspektif Al-Quran: Satu Analisis Tematik" (makalah, e-proceeding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Selangor, 24-25 April 2019), 19-30.

¹⁶ Mohd Zaki, N. I., & Nen, S., "Pedofilia: Persepsi Dan Kebimbangan Ibu Bapa" *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4) (2020), 1-13.

¹⁷ Christensen, Larissa S., Noah Vickery, "The characteristics of virtual child sexual abuse material offenders and the harms of offending: a qualitative content analysis of print media" *Sexuality & Culture*, 27 (5) (2023), 1813-1827.

¹⁸ Joe Purshouse, "'Paedophile Hunters', Criminal Procedure, and Fundamental Human Rights." *Journal of Law and Society*, 47,3 (2020), 384-411.

¹⁹ Joe Purshouse, "'Paedophile Hunters', Criminal Procedure, and Fundamental Human Rights." *Journal of Law and Society*, 47,3 (2020), 384-411.

²⁰ Joe Purshouse, "'Paedophile Hunters', Criminal Procedure, and Fundamental Human Rights." *Journal of Law and Society*, 47,3 (2020), 384-411.

menuruti kaedah-kaedah perundangan yang digazetkan dengan saluran-saluran yang tepat. Perkara ini sangat membantu kerajaan dalam memerangi individu-individu bermasalah mental ini.

Walaupun penyakit mental dilihat sebagai sesuatu yang *taboo* dalam masyarakat, tindakan perlu dilakukan segera sebelum menjadi parah. Penyakit mental yang berfaktorkan dengan pelbagai perkara mesti diberikan perhatian yang sewajarnya. Pedofilia terutamanya sangat membahayakan persekitaran kanak-kanak. Jika tidak diambil inisiatif yang sepatutnya, implikasi bahaya dan risiko kesihatan mental akan membarah dalam masyarakat.²¹ Secara spesifik, mencari faktor dan solusi preventif mesti diusahakan.

Faktor Berlakunya Isu Perlakuan Pedofilia dalam Kalangan Kanak-Kanak

Dalam mencari punca kepada permasalahan pedofilia, sangat sukar untuk dikenal pasti dengan spesifik. Namun terdapat beberapa faktor yang boleh dijadikan indikator yang boleh disandarkan sebagai punca iaitu berkait tentang biologi, psikologi, dan sosial.²² Lebih mendalam kajian oleh Suriyani telah menyenaraikan enam faktor yang menjadi asas kepada pedofilia iaitu faktor individu, fisiologi, psikologi, sosial, kurang pengetahuan dan pendidikan serta sosioekonomi.²³

Sejajar dengan itu kajian oleh Ermania Widjajanti, & Rusmilawati Windari menjelaskan bahawa secara individu, terdapat faktor berkait genetik dan bukan genetik. Sejarah buruk yang lepas umpamanya, persekitaran keluarga yang melibatkan keganasan rumah tangga dapat melahirkan pemangsa. Ketika persekitaran terbiasa dengan salah laku, seseorang individu gagal untuk mengklasifikasikan antara yang salah (hak) dan yang betul (batil). Bahkan menurut Anjeli, jika mereka menjadi mangsa penderaan, pelaku pula untuk meniru dan mengulang sejarah dan itu menjadi faktor luar kehidupan yang berlatarbelakangkan seksual songsang.²⁴ Begitu juga yang ditegaskan oleh Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R, pelaku mempunyai masalah dengan dunia realiti terutamanya berkait peribadi. Perilaku songsang tersebut berpunca daripada masa silam sebagai mangsa penderaan dari zaman kanak-kanak yang menyebabkan mereka trauma dan akhirnya menjadikan satu karekter dan kelakuan peribadi.²⁵ Ini juga termasuk dalam perbahasan *cognitif behavior* berasaskan nilai negatif yang juga dapat merubah diri seseorang ke kancah kemaksiatan.

Kebiasaannya pelaku adalah jenis orang yang *introvert* yang mempunyai masalah untuk bersosial dengan masyarakat. Mereka cuba untuk merubah perkara tersebut di alam siber dengan bernadikan keinginan seks songsang kepada mangsa. Begitu juga mangsa dalam kalangan kanak-kanak, Anjeli menyebutkan bahawa mereka dari jenis *introvert* yang suka menyendiri lebih mudah untuk dipujuk kerana kecenderungan mereka kepada fikiran dan

²¹ Salleh, S., Wazir, R., Abd Rahman, K. A., Sudi, S., Awang, A. H., & Kamarulzaman, A. I., "Mengatasi Masalah Kesihatan Mental Melalui Pendekatan Psiko Spiritual" *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47) (2022), 601-615.

²² Olshan, A., *Examining pedophilia: Causes, treatments, and the effects of stigmatization* (t.tp: International Centre for Missing & Exploited Children(ICMEC), 2014), 11.

²³ Suriyani Jamil, "Pencegahan Pedofilia Menurut Kerangka Fiqh Al-Hadīth (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2020).

²⁴ Anjeli Holivia, Teguh Suratman, "Child Cyber Grooming Sebagai Bentuk Modus Baru Cyber Space Crimes," *Bhirawa Law Journal*, 2(1) (2021), 1-13.

²⁵ Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R., "Crime And Review Of Pedophilia Criminology As Deviant Behavior In Medan" *Jurnal INFOKUM*, 10(5) (2022), 700-709.

perasan sendiri.²⁶ Ketika ada pelaku yang *introvert*, mereka mengetahui selok-belok kecenderungan tersebut, maka Ermania menegaskan bahawa faktor ini menjadi satu kelebihan untuk mereka kuasai mangsa.²⁷ Mereka akan mulai dengan perbualan biasa tentang pertanyaan umum contohnya berkaitan usia, hobi, sekolah atau apa-apa yang disukai. Kemudian akan berlaku perbualan kepada tajuk yang lebih *intense* atau tegang apabila mangsa sudah meletakkan kepercayaan kepada pelaku. Seterusnya, mereka akan *grooming* mangsa sehingga berlakunya perbuatan ketelanjuran seksual.²⁸ Menurut Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R, lebih mudah bagi mereka untuk mencari mangsa daripada kanak-kanak yang kurang dipantau oleh ibu bapa. Selain itu, pemilihan mangsa kanak-kanak juga kerana kanak-kanak adalah kurang berisiko atau lebih suci dari penyakit,²⁹ serta kurang faham tentang perkara asas dalam agama, sosial dan budaya.³⁰

Menurut P, M., Muslihah, N., & Titin Andri Wihastuti dijelaskan bahawa pelaku juga mempunyai masalah emosi yang kurang stabil dan kurangnya keyakinan diri selain mempunyai gangguan boleh dipengaruhi oleh penggunaan alkohol dan dadah dan keadaan tekanan pada budaya, pola keibubapaan yang lemah.³¹ Lebih dari itu, Safar menyebutkan bahawa terdapat sebilangan pelaku mempunyai masalah dalam hubungan percintaan dan gagal untuk mengawal keinginan nafsu.³² Tidak mudah bagi mereka untuk berinteraksi dengan orang dewasa dalam masyarakat maka mereka akan bersosial dengan kanak-kanak dan akan menyertai aktiviti-aktiviti remaja.³³ Masyarakat yang kurang prihatin akan melahirkan masyarakat yang mendambakan perhatian. Sebagai timbal balas pelaku akan menyembunyikan kelemahan dengan menunjukkan kebolehuasaan. Jadi paling mudah untuk dikuasai adalah kanak-kanak berbanding orang dewasa yang sudah ada jati diri yang kuat. Kanak-kanak yang biasanya akan mudah terikut, tidak banyak kritik dan tidak banyak permintaan menjadikan mereka mudah mengikut seterusnya mudah untuk dikuasai.

Selain itu, Jivin, J. G., Muhd. H. D., & Suziyanah M. S menyebut bahawa faktor daripada mangsa juga menjadi isu dalam perbincangan pedofilia. Ekonomi dan sosial menjadi titik tolak kepada permasalahan ini. Pengabaian, eksploitasi keganasan dan pemerdagangan kanak-kanak (*child trafficking*) telah membuka ruang untuk menjadikan isu ini lebih merisaukan.³⁴ Ruang

²⁶ Anjeli Holivia, Teguh Suratman, "Child Cyber Grooming Sebagai Bentuk Modus Baru Cyber Space Crimes," *Bhirawa Law Journal*, 2(1) (2021), 1-13.

²⁷ Ermania Widjajanti, & Rusmilawati Windari, "Pedophilia As A Form Of Sexual Deviance From A Social Bonds Theoretical Perspective", *IJUM Law Journal*, 29(S1) (2021), 177–194. [https://doi.org/10.31436/iiumlj.v29i\(S1\).641](https://doi.org/10.31436/iiumlj.v29i(S1).641)

²⁸ Anjeli Holivia, Teguh Suratman, "Child Cyber Grooming Sebagai Bentuk Modus Baru Cyber Space Crimes," *Bhirawa Law Journal*, 2(1) (2021), 1-13.

²⁹ Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R., "Crime And Review Of Pedophilia Criminology As Deviant Behavior In Medan" *Jurnal INFOKUM*, 10(5) (2022), 700-709.

³⁰ Eva Nurlia, Puti Priyana, "Perlindungan Hukum Terhadap Anak Korban Child Grooming Terhadap Anak Korban Child Grooming Di Media Sosial Dan Upaya Penanggulangannya" *Jurnal Ilmu Hukum dan Humaniora*, 9(6) (2022), 3043-3050.

³¹ P, M., Muslihah, N., & Titin Andri Wihastuti, "Cognitive-Behavioral Therapy in Preventing Residivism in Pedophilia: A Systematic Review" *International Journal of Science and Society (IJSSOC)*, 2(3) (2020), 86-99.

³² Muhammad Safar, Yasmirah Mandasari Saragih, Sumarno, Teguh Hidayat Siregar, Sri Utami, "Penegakan Hukum Pidana Bagi Pelaku Pedofilia Atas Kejahatan Seksual Terhadap Anak." *Journal Of Social Science Research*, 4(3) (2024), 7422-7433.

³³ Shohib, M., DPR, J. K. H. A. K., & No, N., "Pengenalan Pengetahuan Santri Pesantren Al-Mansyhuriyah Terhadap Kejahatan Pedofilia" *Jurnal Abdimas*, 5(1) (2019), 143-147.

³⁴ Jayne G., D. M. Hazim, M. S. Suziyanah, *Pedofilia di Malaysia*, (Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2019), 4.

awam yang sepatutnya menjadi syurga kanak-kanak untuk bermain menjadi sesuatu yang berbeza secara total. Kejiranan yang sepatutnya menjadi mata-mata untuk membantu mereka membesar dengan baik bertukar menjadi sebahagian pelanggan pemerdagangan dan eksploitasi. Perkara ini lebih rumit dengan keterlibatan keluarga sendiri dan konflik lebih melibatkan mangsa daripada kanak-kanak perempuan dan keganasan seksual. Mereka hidup dalam di tengah suasana konflik tanpa ada jalan keluar. Kanak-kanak menjadi objek perdagangan bagi menampung perbelanjaan suatu pihak untuk meneruskan hidup. Selain itu, sosio-ekonomi juga kadangkala memaksa kanak-kanak untuk keluar mencari nafkah. Sebagaimana dijelaskan oleh Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R., keluarga yang berpendapatan rendah menjadikan anak-anak sebagai pekerja di pasar, peminta sedekah, penyanyi jalanan dan sebagainya.³⁵ Kemiskinan menjadikan mereka terdedah dengan pelbagai latar belakang masyarakat dan termasuklah pelaku pedofilia. Mereka akan membuat menawarkan hadiah atau wang dan menarik kanak-kanak.³⁶ Pendidikan yang diberikan sangat tidak cukup untuk mendapatkan kerja yang baik bahkan tidak cukup juga untuk membuka minda mereka untuk membantu mereka memahami limit dalam berinteraksi.³⁷

Lebih parah, terdapat sebilangan penjaga menjadikan anak-anak mereka sendiri sebagai pemuas nafsu serakah. Harap pegar, pegar makan padi merupakan kiasan yang sangat sesuai bagi golongan ini. Penjaga yang sepatutnya menjadi harapan untuk membangunkan anak-anak bagaimanapun ternodai dengan nafsu sehingga menggadaikan anak-anak sendiri. Antara kes yang pernah menggemparkan Malaysia suatu ketika dahulu yang melibatkan seorang bapa yang mengaku bersalah merogol, melakukan seks luar tabii serta merakam video kelakuan terkutuk tersebut. Kelakuan tersebut telah dilakukan terhadap anak kandungnya yang berusia 12 tahun yang juga merupakan orang kelainan upaya (OKU) dalam kategori masalah pembelajaran. Walaupun pelaku dikenakan hukuman 40 tahun penjara dan 24 sebatan di bawah Seksyen 5 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dua pertuduhan di bawah Seksyen 376B dan Seksyen 377B Kanun Keseksaaan,³⁸ perkara ini sangat tidak dapat diterima rasioanal. Terdapat kes lain yang hampir sama mengisi dada akhbar sejak 3-4 tahun kebelakangan ini yang menunjukkan bahawa terdapat sebilangan bapa kandung yang telah menjadi “monster” yang memangsakan anak sendiri.³⁹

Selain itu, risiko kanak-kanak untuk menjadi mangsa semakin besar jika berpakaian mencolok mata dan ketat.⁴⁰ Faktor ini memberikan perhatian yang lebih kepada pelaku untuk memilih mangsa yang ada tarikan. Pada masa ini, sudah menjadi kebiasaan ibu bapa yang memuat naik dan berkongsi gambar anak-anak beraktiviti dalam pelbagai platform media sosial.

³⁵ Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R., “Crime And Review Of Pedophilia Criminology As Deviant Behavior In Medan” *Jurnal INFOKUM*, 10(5) (2022), 700-709.

³⁶ Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R., “Crime And Review Of Pedophilia Criminology As Deviant Behavior In Medan” *Jurnal INFOKUM*, 10(5) (2022), 700-709.

³⁷ Dewantini, N. L. I. C., Fauzia, R., & Safitri, J., “Gambaran Resiliensi Pada Korban Pedofilia di Denpasar, Bali (Studi Kasus Pada Kp & Wn.” *Jurnal Kognisia*, 3(1) (2020), 85-93.

³⁸ Berita Harian Online, “Bapa durjana dipenjara 40 tahun, 24 sebatan.” laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 20 Mac 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/10/615379/bapa-durjana-dipenjara-40-tahun-24-sebatan>

³⁹ Bulfin, Ailise, “Monster, Give Me My Child’: How the Myth of the Paedophile as a Monstrous Stranger Took Shape in Emerging Discourses on Child Sexual Abuse in Late Nineteenth-Century Britain.” *Nineteenth-Century Contexts* 43,2 (2021), 221–245.

⁴⁰ Mohd Zaki, N. I., & Nen, S., “Pedofilia: Persepsi Dan Kebimbangan Ibu Bapa” *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4) (2020), 1-13.

Gambar kanak-kanak bermain, bersantai dan mandi-manda yang tidak mendatangkan syahwat pada asalnya tanpa disedari dieksploitasi menjadi bahan bagi pelaku pedofilia. Perkongsian momen yang menggembirakan yang menjadi kenangan manis keluarga diambil kesempatan oleh pelaku dengan menyimpan gambar kanak-kanak comel, petah, manja, berpakaian sedikit terdedah dan sebagainya.⁴¹ Dengan eksploitasi tersebut, bahan tersebut menjadikan mereka teruja, terangsang dan ghairah. Perkara ini dapat dibuktikan bahawa pelaku sememangnya terdedah dengan bahan-bahan pornografi yang melibatkan kanak-kanak. Perkara ini menjadi faktor keterangsangan seksual abnormal mereka dengan kemudahan akses dalam internet. Sebagaimana disebutkan oleh kajian Ysutia bahawa dampak ketagihan pornografi telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat.⁴²

Solusi Preventif kepada Perlakuan Pedofilia

Polis sebagai pelaksana perundangan negara boleh memberikan kesedaran kepada penjaga tentang pentingnya mengawasi gerak-geri anak-anak dalam memanfaatkan internet. Sebelum berlaku kes, polis juga meminta masyarakat untuk menyalurkan maklumat agar preventif awal dapat dilakukan. Bermula dengan perkongsian bahan-bahan yang boleh merangsang minda seksual anak-anak, pelaku boleh dikenakan hukuman. Kemudian, menurut Anjeli H dan Teguh S., bagi yang melakukan ancaman kekerasan, paksaan, melakukan tipu muslihat, menipu atau memujuk kanak-kanak untuk melakukan perbuatan cabul akan dikenakan hukuman yang berat dalam undang-undang Indonesia.⁴³

Menurut Mardziah, pelbagai pihak telah menggembeleng tenaga melalui pelbagai pihak sama ada kerajaan dan juga badan bukan kerajaan (NGO). Usaha ini bagi mengambil inisiatif preventif dalam permasalahan pedofilia dalam masyarakat. Terdapat pelbagai program yang telah berjalan antaranya Pusat Khidmat Krisis Seheni atau *One Stop Crisis Centre* (OSCC), Seminar Kesedaran Jenayah Pedofilia, Kempen TinDAK (Tindak Demi Anak Kita), Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak dan sebagainya. Secara rinci, KPM telah melancarkan program di peringkat kebangsaan iaitu program Sarana Ibubapa (SI). Program ini bertujuan meningkatkan penglibatan ibubapa terhadap pembelajaran anak-anak sama ada luar atau dalam sekolah demi meneruskan kecemerlangan mereka.⁴⁴ Dalam menjayakan program SI, ibubapa perlu mengisi borang soal selidik yang disediakan oleh kementerian dan perlu untuk mengidentifikasi kekuatan dan kelemahan dalam mengurus hal anak-anak mereka. Digariskan empat hal yang berkait rapat dengan pengurusan kanak-kanak iaitu :

1. Menyediakan suasana pembelajaran rumah
2. Interaksi sosial
3. Komunikasi dengan anak
4. Sokongan akademik

⁴¹ A. A. N. Nadia, A. Y. Z Nadiah, *Naratif Eksploitasi Seksual Terhadap Kanak-Kanak* (Pahang: Mr & Mrs H, 2021), 22-23.

⁴² Yustia O. Pradini, Jason A.R. Simanungkalit, Raihan Heryadi, & Herli Antoni, "Dampak Kecanduan Film Porno Terhadap Kekerasan Dan Kejahatan Seksual Terhadap Anak di Bawah Umur." *Kultura: Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 2(1) (2024), 282–292.

⁴³ Anjeli Holivia, Teguh Suratman, "Child Cyber Grooming Sebagai Bentuk Modus Baru Cyber Space Crimes," *Bhirawa Law Journal*, 2(1) (2021), 1-13.

⁴⁴ Manaf, Mardziah Abdul, "Dasar Perlindungan Terhadap Mangsa Pedofilia Menurut Undang-Undang di Malaysia dan Pengawalannya Melalui Program Pencegahan." *Jurnal Al-Hikmah*, 15(1) (2023), 14-28.

Program ini sebenarnya bagi menekan aspek keprihatinan kepada anak-anak yang merupakan tugas dan tanggungjawab penting dalam menguruskan mereka. Penjaga sebagai warga masyarakat yang bertanggungjawab menguruskan segala keperluan asas anak-anak bermula dari makan minum sehinggalah kepada pendidikan. Ini adalah selari dengan teori ikatan kemasyarakatan oleh Travis Hirschi. Berdasarkan penjelasan oleh Ermania Widjajanti, dan Rusmilawati Windari, “kenakalan” akan menjadi-jadi apabila ikatan masyarakat rapuh.⁴⁵ Setiap individu dalam masyarakat masing-masing culas dengan peranan yang perlu dimainkan.

Selain itu, KPWKMM memperkenalkan Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) yang berobjektifkan :

1. Menyokong pembinaan golongan remaja yang bersemangat waja dengan menggalakkan cara hidup yang sihat dan bertanggungjawab.
2. Mencegah gejala kesihatan akibat tingkah laku berisiko dengan menggalakkan cara hidup yang sihat Negara dan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang bersesuaian.
3. Menggalakkan penyertaan golongan remaja secara aktif dalam aktiviti penggalakan kesihatan dan pencegahan.

Dasar ini menumpukan kepada pendidikan kesihatan reproduktif dengan memberikan kesedaran kepada masyarakat, pembangunan kepakaran bidang pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sistem serta pelaksanaan pendidikan secara berkesan. Dalam menjayakan dasar ini, beberapa sekolah dipilih untuk dijalankan program dan dijadikan sebagai aktiviti kokurikulum. Pelajar tahun 6, tingkatan 3 dan pelajar Pendidikan Khas Bagi dibina pengetahuan tentang peri penting menjaga diri. Modul yang digunakan antaranya adalah dengan memberikan penekanan tentang pengetahuan tentang bahaya risiko salah laku seks. Mereka digalakkan untuk memperkasakan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang mantap supaya dapat diamalkan tingkah laku yang sihat.

Selari dengan usaha ini, langkah preventif yang diambil ini sangat berkait rapat dengan teori pembelajaran yang merangkumi kognitif, efektif dan psikomotor yang menekankan penggunaan domain-domain tersebut dalam aspek pendidikan. Nilai positif sebagai input kepada diri seseorang yang boleh memberikan kesan yang baik kepada nilai diri. Segala tunjuk ajar yang baik diasuh dengan psikomotor sehingga dijadikan nilai praktikal dan akhirnya menjadi perilaku (*behaviour*).⁴⁶ Bahkan menurut P, M., Muslihah, N., & Titin Andri Wihastuti, jika seseorang menghadapi masalah, *cognitive behavior treatment* (CBT) boleh mengubah ketetapan minda atau *mindset*. Daripada negatif akan merubah kepada minda yang positif. Kemudian mengubah emosi dan tindakan mereka. Lebih terkesan, terapi secara individu boleh dilakukan bagi menjaga privasi dan boleh memastikan mereka diperhatikan dengan rapat.⁴⁷ Kajian oleh Nanik juga memerihalkan bahawa dalam mengelakkan daripada penyimpangan seksual yang merbahaya ini perlu diberikan penekanan kepada beberapa aspek seperti:

⁴⁵ Ermania Widjajanti, & Rusmilawati Windari, “Pedophilia As A Form Of Sexual Deviance From A Social Bonds Theoretical Perspective”, *IIUM Law Journal*, 29(S1) (2021), 177–194. [https://doi.org/10.31436/iiumlj.v29i\(S1\).641](https://doi.org/10.31436/iiumlj.v29i(S1).641)

⁴⁶ Hoque, M. E., “Three domains of learning: Cognitive, affective and psychomotor.” *The Journal of EFL Education and Research*, 2(2), (2016), 45-52.

⁴⁷ P, M., Muslihah, N., & Titin Andri Wihastuti, “Cognitive-Behavioral Therapy in Preventing Residivism in Pedophilia: A Systematic Review” *International Journal of Science and Society (IJSOC)*, 2(3) (2020), 86-99.

1. Pendidikan seks⁴⁸
2. Pengisian masa dengan hal bermanfaat
3. Pengawasan dan bimbingan kepada ahli keluarga sehingga dapat menguasai (mengawal)
4. Terapi konflik dalaman (mental)
5. Kasih sayang yang mencukupi.⁴⁹

Sesuai dengan itu, perbincangan psikologi Islam sebagaimana dijelaskan oleh Mohd Manawi, intipati manusia dipecahkan kepada dua iaitu fizikal dan rohani (*al-ruh*). Selain perbincangan tentang fizikal manusia yang merangkumi biologi, mental, keperluan agama, moral dan lain-lain, Al-Quran memandu kefahaman bahawa manusia terdiri daripada inti pati rohani atau *al-ruh*.⁵⁰ Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa *al-ruh* atau *al-nafs* berperanan sebagai pengurus dan pentadbir dalam tindak tanduk manusia. Dengan membuat analogi mudah, Imam al-Ghazali menggambarkan bahawa dalam mentadbir sesebuah negara, maka raja adalah berperanan sebagai pemerintah yang akan memberi arahan kepada rakyatnya. Setiap pergerakan rakyat akan menuruti sesuai dengan arahan-arahan yang dibuat oleh raja mereka. Begitulah fizikal manusia, kalau rohani seseorang baik maka secara fizikalnya akan terarah kepada perlakuan yang baik. Kesihatan dan kelakuan adalah hasil daripada kebahagiaan dalaman.⁵¹ Lebih dari itu, jika rohani dipandu oleh syariat Islam, maka segala gerak-geri manusia akan menuruti perintah Allah SWT Kemudian, Imam al-Ghazali berpendapat bahawa penyucian rohani seseorang sangat diperlukan bagi menyingkirkan segala kejahatan.⁵² Integrasi antara amalan spiritual seperti pemantapan akidah, ibadah, penyempurnaan akhlak, pendekatan *targhib wa tarhib*, penghayatan daripada isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah, penciptaan ruangan yang positif, pemilihan rakan dan sebagainya boleh menjadi pembangunan diri yang sangat berkesan.⁵³

Pengalaman di Indonesia, Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R. menjelaskan bahawa terdapat usaha yang dibuat oleh Unit Pembangunan Komuniti (Sat Binmas) di bawah Polis Bandar Medan (Polrestabes Medan) sebagai inisiatif untuk membangunkan komuniti dalam memerangi pedofilia. Pembangunan komuniti dengan memberikan khidmat sosial dan kaunseling di pelbagai lapisan masyarakat sebagai memberikan kefahaman yang holistik berkait isu pedofilia. Adapun jika ada laporan, pihak berkuasa akan membuat penyiasatan sehinggalah

⁴⁸ Lihat juga Khafifa Adhelia Putri Ikhsan, Zainab Ompu Jainah, "Criminal Responsibility for Children - Crime of Inducing Victims to Commit Sexual Intercourse (Study Decision Number 40/Pid.Sus-Anak/2023/PN.Tjk)." *QISTINA: Jurnal Multidisiplin Indonesia*, 3(1) (2024), 398-401.

⁴⁹ Supriyatin, Nanik, "Penyimpangan Seksual Dalam Perspektif Psikologi (Solusi Atas Masalah Penyimpangan Seksual Dalam Perspektif Psikologi)." *AKADEMIKA: Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 23(1) (2024), 47-51.

⁵⁰ Akib, M. M. M., Ferdaus, F. M., & Ishak, H., "Spiritual Strengthening of Man Through Prayer of Worship" *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 24(1) (2022), 381-408, 387.

⁵¹ Masruri, M., Abd Shakor Borham, M. H. A., Rahim, S. C., & Faiz, M., "The Approach of Revelation of the Quran and al-Sunnah to Dealing with Soul and Mental Disorders After the COVID-19 Outbreak." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8) (2022), 605-617.

⁵² Imam al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali, *Ringkasan Ihya' Ulumuddin* (Selangor: Pustaka Al-Ehsan, 2017), 246.

⁵³ Zulkiply, S. N., Suliaman, I., Abidin, M. S. Z., Anas, N., & Ahmat, A. C., "The Development Theory of Al-'Aql, Al-Qalb and al-Nafs in Islamic Psychotherapy." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11) (2022), 2432 – 2449.

kepada fail dikemukakan kepada pendakwa raya bagi pendakwaan suspek pedofilia.⁵⁴ Preventif dari segala aspek akan segera dilakukan bagi memerangi pelaku pedofilia.

Perkembangan perbincangan menjadi semakin baik dengan mengintegrasikan variasi solusi yang disusun daripada aspek perubatan moden dan tradisional berasaskan sumber-sumber agama. Hadith umpamanya perlu digali dengan lebih dalam kerana di dalamnya ada elemen yang sangat relevan untuk dipraktikkan sebagai solusi kepada permasalahan yang berkait dengan kesihatan mental. Kajian yang diketuai oleh Shahril mengemukakan elemen dalam hadith yang diambil secara tematik (*maudhu'i*), bahawa terdapat panduan Nabi dalam menguruskan rasa marah, tidak putus asa, syukur dan sabar. Praktikaliti elemen tersebut sangat relevan dalam memberi impak yang baik bahkan secara empirikal telah membuktikan potensi Psikospiritual Sunnah untuk dijadikan sebagai rawatan dalam menangani isu kesihatan mental.⁵⁵

Terdapat usaha yang dilakukan bagi perawatan umpamanya kajian yang dilakukan secara spesifik berkaitan usaha mengubati pelaku yang telah melalui proses mahkamah dan didapati bersalah. Sebagaimana pengadaptasian ajaran agama boleh menjadi suatu solusi yang baik kepada suatu permasalahan, kajian Abur Hamdi menerangkan bahawa konsep syukur yang bertunjang daripada al-Quran dan al-Sunnah boleh diadaptasikan dalam usaha merawat pesalah pedofilia. Dalam kajian tersebut, responden dalam kalangan pesalah telah diterapkan elemen syukur yang menjadi elemen penting dalam psikospiritual Islam. Walaupun secara hakikat penangkapan dan mereka yang dijatuhkan hukuman adalah sesuatu yang mendukacitakan, namun elemen syukur ini telah menghadirkan perasaan yang baik iaitu kembali kepada fitrah semula jadi manusia. Mereka jadikan hukuman tersebut sebagai *turning point* untuk kembali kepada ajaran Tuhan. Penerapan konsep syukur boleh diadaptasi dalam tiga bentuk iaitu dengan anggota tubuh, hati dan lisan. Amalan fizikal yang menjadi kewajipan agama menjadi rutin pesalah disamping partisipasi tazkirah yang dikelolakan. Imam al-Makki menyebutkan syukur dengan hati adalah dengan beriktikad bahawa segala kenikmatan adalah kurniaan Tuhan seterusnya terzhahir dengan pengucapan secara lisan seperti "alhamdulillah". Keseluruhan bentuk adaptasi ini menjadi elemen penting dalam hubungan manusia dengan Tuhan. Ianya menjadi nilai yang signifikan yang kukuh dengan iman seseorang.⁵⁶

Intervensi pedofilia juga boleh dilaksanakan dengan penerapan konsep sabar dalam Psikospiritual Islam. Kawalan terhadap rangsangan, keinginan seks atau kawalan diri boleh dilakukan dengan memberi kefahaman yang holistik kepada pelaku pedofilia. Konsep sabar menjadi salah satu kunci ketenangan yang mampu menghasilkan output yang positif. Secara umum, setiap individu apabila menghayati secara mendalam tentang konsep sabar akan menjadikan mereka seseorang yang tabah dalam menghadapi sebarang musibah tanpa keluh kesah. Mereka juga reda dengan segala ketetapan dan hadir rasa cinta dan kasih kepada Tuhan

⁵⁴ Yopiza, Y., Rangkuti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R., "Crime And Review Of Pedophilia Criminology As Deviant Behavior In Medan" *Jurnal INFOKUM*, 10(5) (2022), 700-709.

⁵⁵ Zulkipli, S. N., Sulieman, I., Zainal Abidin, M. S., Anas, N., & Nadzif Wan Jamil, W. K., "Psikoterapi Nabawi Sebagai Rawatan Komplimentari Kejiwaan Dalam Menangani Isu Kesihatan Mental." *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies*, 45(1) (2023), 195-213.

⁵⁶ Usman, A. H., Shaharuddin, S. A., Mohd Salleh, N., Nasir, M. N., Wazir, R., & Shahabudin, M. F. R., "Elemen Syukur Dalam Psikoterapi Islam: Adaptasi Terhadap Rawatan Pedofilia: Element of Gratitude in Islamic Psychotherapy: Adaption for Pedophilia Treatment" *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1) (2020), 86–97.

sebagai pencipta. Segala apa yang berlaku mereka akan menyerahkan diri sepenuhnya dengan sabar kepada Allah SWT.⁵⁷

Walaubagaimanapun, intervensi yang dikemukakan lebih kepada perawatan bagi pesalah-pesalah dan usaha perlindungan kepada mangsa yang telah menjadi korban.⁵⁸ Ketika undang-undang diperkenalkan dan dilaksanakan, terdapat sebahagian pihak yang seolah-olah memperjuangkan hak pelaku dengan membuat penentangan kerana menurut mereka ianya merupakan hukuman yang tidak bersifat manusiawi dan merendahkan darjat.⁵⁹ Sebahagian masyarakat menolak kaedah kembalikan dengan tujuan membantutkan kemahuan seksual yang dikira sebagai menafikan hak asasi manusia.⁶⁰ Begitu juga dengan denda dalam bentuk imbuhan atau disebut sebagai “restitusi” kepada mangsa yang dikenakan kepada pelaku⁶¹, kesemua ini adalah perundangan yang melibatkan kes yang sudah berlaku. Lebih dari itu, perlu dikaji lebih mendalam berkaitan dengan intervensi preventif sebelum perkara ini berlaku, dilaporkan dan dihadapkan ke muka pengadilan. Intervensi preventif perlu dilakukan lebih awal dari itu sebagai langkah pencegahan. Bagi kanak-kanak dan penjaga antaranya yang menjadi tempat pembangunan awal kanak-kanak perlu dibangunkan dengan mengguna pakai dasar daripada sunnah baginda Nabi Muhammad SAW. Bukan sahaja pelaku perlu diberikan solusi, bahkan prospek dan penjaga juga perlu diberikan solusi kerana mereka juga kadang kala menjadi faktor kepada pedofilia. Jadi, model Psikoterapi Sunnah khusus bagi mencegah pedofilia perlu dibangunkan supaya khazanah Islam ditelusuri dan menjadi instrumen yang praktikal.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, terdapat banyak kertas kerja, artikel jurnal dan kajian yang telah dijalankan yang mengkaji tentang permasalahan yang berkait dengan pedofilia. Variasi isu, faktor dan sebagainya menjadi isyarat bahawa perlakuan dan kes yang berkait sangat meruncing seterusnya menjadi satu justifikasi kerelevanan untuk menjadi topik kajian. Walaubagaimanapun secara spesifik, keperluan kepada satu kajian khusus kepada intervensi yang membabitkan penjaga dan kanak-kanak itu sendiri adalah sesuatu yang mustahak.

⁵⁷ Usman, A. H., Wazir, R., Shaharuddin, S. A., Salleh, N. M., Nasir, M. N., & Shahabudin, M. F. R., “Maqam Sabar dalam Psikoterapi Pemulihan Pedofilia: Kajian Terhadap Qūt al-Qulūb Syekh Abū Ṭālib Al-Makkī (W. 996 M)” *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1) (2020), 293-301.

⁵⁸ Muhammad Safar, Yasmirah Mandasari Saragih, Sumarno, Teguh Hidayat Siregar, Sri Utami, “Penegakan Hukum Pidana Bagi Pelaku Pedofilia Atas Kejahatan Seksual Terhadap Anak.” *Journal Of Social Science Research*, 4(3) (2024), 7422-7433. Lihat juga D. M. M. Yusuf, Rahmat Hidayat, Fernando Manurung, Candra Herianto Sinaga, Rony Maka Suci, “Penegakan Hukum Pidana Terhadap Pemberian Hukuman Kebiri bagi Pedofilia dari Perspektif HAM.” *Mandalika Law Jurnal*, 2(1) (2024), 1-8. Lihat juga Widhy Andrian Pratama, “Analisis Normatif Perlindungan Hukum Terhadap Anak sebagai Korban Kejahatan Pedofilia.” *Ta’zir: Jurnal Hukum Pidana*, 8(1) (2024), 17-28.

⁵⁹ D. M. M. Yusuf, Rahmat Hidayat, Fernando Manurung, Candra Herianto Sinaga, Rony Maka Suci, “Penegakan Hukum Pidana Terhadap Pemberian Hukuman Kebiri bagi Pedofilia dari Perspektif HAM.” *Mandalika Law Jurnal*, 2(1) (2024), 1-8.

⁶⁰ D. M. M. Yusuf, Rahmat Hidayat, Fernando Manurung, Candra Herianto Sinaga, Rony Maka Suci, “Penegakan Hukum Pidana Terhadap Pemberian Hukuman Kebiri bagi Pedofilia dari Perspektif HAM.” *Mandalika Law Jurnal*, 2(1) (2024), 1-8. Lihat juga Zakiyah, Zakiyah, and Tajul Arifin, “Penolakan Tindakan Kebiri Kimia Oleh Dokter, Antara Kode Etik dan Hadits Riwayat Muslim serta Pasal 81 Uu No. 70 Tahun 2016.” *Tashdiq: Jurnal Kajian Agama dan Dakwah*, 5(1) (2024), 41-50.

⁶¹ M.Hakim Yunizar Diharimurti, Iwan Fahmi, Dominikus Rato, Fendi Setyawan, Tindakan Keadilan Untuk Anak-Anak Korban Pedofilia: Penerapan Hak Restitusi, *Jurnal Education And Development*, 12(2) (2024), 390-392.

Walaupun terdapat usaha yang cuba membangunkan intervensi preventif, namun percubaan tersebut lebih menjurus kepada pencegahan yang perlu dilakukan oleh pesalah yang sudah terbukti bersalah dan sudah pun berada dalam tempoh atau sudah menerima hukuman. Adapun kanak-kanak, mereka masih lagi terdedah dengan pelaku lain yang merbahaya untuk hari yang mendatang. Tuntasnya, perlu untuk dikemukakan satu model atau garis panduan yang holistik dalam usaha membantutkan jenayah yang membahayakan anak-anak kecil ini. Begitu juga sebagai membentuk persekitaran yang harmoni, perlu untuk dibangunkan satu model bagi membantu institusi kekeluargaan, masyarakat dalam mencapai target SGD iaitu kesihatan masyarakat yang baik dan seterusnya di peringkat nasional kesejahteraan akan dimiliki oleh seluruh rakyat.

Penghargaan

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk anugerah geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) bernombor FP050-2023 dengan tajuk penyelidikan "Model Preventif Pedofilia Bagi Golongan Kanak-kanak Dan Penjaga Berdasarkan Instrumen Psikospiritual Sunnah" yang dijalankan di Universiti Malaya bagi tempoh 2023- 2025.

Rujukan

- A. N. Nadia, A. Y. Z. Nadiah, *Naratif Eksploitasi Seksual Terhadap Kanak-Kanak* (Pahang: Mr & Mrs H, 2021).
- Abdul Karim bin Mohammad Ali Al Namleh, *Jami' Lilmasail Usul Fiqh Wa Tadbiqiha Ala Mazahib al-Rajih*. Riyadh: Maktabah Al-Rashd, 2000.
- Abdul Rahman al-Jaziri, *Kitab al-Fiqh Ala Mazahib Al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 2003.
- Anjeli Holivia, Teguh Suratman, "Child Cyber Grooming Sebagai Bentuk Modus Baru Cyber Space Crimes," *Bhirawa Law Journal*, 2(1) (2021), 1-13.
- 'Arabi Mohammad Idrisi, *Ahkam Syahadah al-Sighaar Fi al-Fiqh al-Islami Wa Qanun al-Wadie* Riyadh: Jamiah Naaif al-Arabiah Lil Ulum al-Amaniah, 2008.
- Berita Harian Online, "Bapa durjana dipenjara 40 tahun, 24 sebatan." laman sesawang Berita Harian Online, dicapai 20 Mac 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/10/615379/bapa-durjana-dipenjara-40-tahun-24-sebatan>
- Bulfin, Ailise, "Monster, Give Me My Child': How the Myth of the Paedophile as a Monstrous Stranger Took Shape in Emerging Discourses on Child Sexual Abuse in Late Nineteenth-Century Britain." *Nineteenth-Century Contexts* 43,2 (2021), 221–245.
- Christensen, Larissa S., Noah Vickery, "The characteristics of virtual child sexual abuse material offenders and the harms of offending: a qualitative content analysis of print media" *Sexuality & Culture*, 27 (5) (2023), 1813-1827.

- D. M. M. Yusuf, Rahmat Hidayat, Fernando Manurung, Candra Herianto Sinaga, Rony Maka Suci, "Penegakan Hukum Pidana Terhadap Pemberian Hukuman Kebiri bagi Pedofilia dari Perspektif HAM." *Mandalika Law Jurnal*, 2(1) (2024), 1-8.
- Dewantini, N. L. I. C., Fauzia, R., & Safitri, J., "Gambaran Resiliensi Pada Korban Pedofilia di Denpasar, Bali (Studi Kasus Pada Kp & Wn)." *Jurnal Kognisia*, 3(1) (2020), 85-93.
- E. Triandini, S. Jayanatha, A. Indrawan, G. W. Putra, B. Iswara, "Metode Systematic Literature Review untuk Identifikasi Platform dan Metode Pengembangan Sistem Informasi di Indonesia," *Indonesian Journal of Information Systems (IJIS)* 1(2) (2019), 63-77.
- Ermania Widjajanti, & Rusmilawati Windari, "Pedophilia As A Form Of Sexual Deviance From A Social Bonds Theoretical Perspective", *IIUM Law Journal*, 29(S1) (2021), 177–194.
- Eva Nurlia, Puti Priyana, "Perlindungan Hukum Terhadap Anak Korban Child Grooming Terhadap Anak Korban Child Grooming Di Media Sosial Dan Upaya Penanggulangannya" *Jurnal Ilmu Hukum dan Humaniora*, 9(6) (2022), 3043-3050.
- Humaira, N., & Tarmizi. (2018). Perlindungan Hukum terhadap Anak sebagai Korban Pedofilia (Suatu Penelitian di Wilayah Pengadilan Negeri Sigli). *Jurnal Ilmiah Mahasiswa*, 2(2), 398–407. <http://jim.unsyiah.ac.id/pidana/article/view/14375>.
- Imam al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad, *Ringkasan Ihya' Ulumuddin* (Selangor: Pustaka Al-Ehsan, 2017).
- Jayne G., D. M. Hazim , M. S. Suziyanah, *Pedofilia di Malaysia*, Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2019.
- Joe Purshouse, "'Paedophile Hunters', Criminal Procedure, and Fundamental Human Rights." *Journal of Law and Society*, 47,3 (2020), 384-411.
- M.Hakim Yunizar Diharimurti, Iwan Fahmi, Dominikus Rato, Fendi Setyawan, Tindakan Keadilan Untuk Anak-Anak Korban Pedofilia: Penerapan Hak Restitusi, *Jurnal Education And Development*, 12(2) (2024), 390-392.
- Mohd Zaki, N. I., & Nen, S., "Pedofilia: Persepsi Dan Kebimbangan Ibu Bapa" *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4) (2020), 1-13.
- Muhammad Safar, Yasmirah Mandasari Saragih, Sumarno, Teguh Hidayat Siregar, Sri Utami, "Penegakan Hukum Pidana Bagi Pelaku Pedofilia Atas Kejahatan Seksual Terhadap Anak." *Journal Of Social Science Research*, 4(3) (2024), 7422-7433.
- Olshan, A., *Examining pedophilia: Causes, treatments, and the effects of stigmatization* (t.tp: International Centre for Missing & Exploited Children(ICMEC), 2014).
- P, M., Muslihah, N., & Titin Andri Wihastuti, "Cognitive-Behavioral Therapy in Preventing Residivism in Pedophilia: A Systematic Review" *International Journal of Science and Society (IJSOC)*, 2(3) (2020), 86-99.
- Pang, N.T.P., Masiran, R. & Alimuddin, A.S., "Paraphilia without symptoms of primary psychiatric disorder: a case report." *Jurnal of Medical Case Reports*, 17, 46 (2023).
- Salleh, S., Wazir, R., Abd Rahman, K. A., Sudi, S., Awang, A. H., & Kamarulzaman, A. I., "Mengatasi Masalah Kesehatan Mental Melalui Pendekatan Psiko Spiritual" *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47) (2022), 601-615.

- Shohib, M., DPR, J. K. H. A. K., & No, N., "Pengenalan Pengetahuan Santri Pesantren Al-Mansyhuriyah Terhadap Kejahatan Pedofilia" *Jurnal Abdimas*, 5(1) (2019), 143-147.
- Suriyani Jamil, "Pencegahan Pedofilia Menurut Kerangka Fiqh Al-Hadīth, Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2020.
- Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Shahrudin, S. A., Nasir, M. N., Wazir, R., & Shahabudin, M. F. R., "Pedofilia Menurut Perspektif Al-Quran: Satu Analisis Tematik" (makalah, e-proceeding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Selangor, 24-25 April 2019), 19-30.
- Widhy Andrian Pratama, "Analisis Normatif Perlindungan Hukum Terhadap Anak sebagai Korban Kejahatan Pedofilia." *Ta'zir: Jurnal Hukum Pidana*, 8(1) (2024), 17-28.
- Yopiza, Y., Ranguti, P. R. R., Fahmi, K., & Nelli, R., "Crime And Review Of Pedophilia Criminology As Deviant Behavior In Medan" *Jurnal INFOKUM*, 10(5) (2022), 700-709.
- Yustia O. Pradini, Jason A.R. Simanungkalit, Raihan Heryadi, & Herli Antoni, "Dampak Kecanduan Film Porno Terhadap Kekerasan Dan Kejahatan Seksual Terhadap Anak di Bawah Umur." *Kultura: Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 2(1) (2024), 282–292.
- Zakiah, Zakiah, and Tajul Arifin, "Penolakan Tindakan Kebiri Kimia Oleh Dokter, Antara Kode Etik dan Hadits Riwayat Muslim serta Pasal 81 Uu No. 70 Tahun 2016." *Tashdiq: Jurnal Kajian Agama dan Dakwah*, 5(1) (2024), 41-50.